




“
**Akibat hakisan
saban tahun,
binaan konkrit
semakin mendap,
sekali gus
mendedahkan tapak
perniagaan di sini
kepada hakisan”**

Siti Aishah Daud,
Penduduk



Pantai Cahaya Bulan **semakin terhakis** kerana projek benteng penahan ombak oleh Kerajaan Pusat belum siap sejak 2004.

[FOTO BETTY SUBARYATI/BH]



“
**Projek berkenaan
bergantung
kepada
peruntukan bagi
2014 apabila fasa
kelima bermula Julai
lalu, dijangka siap
Disember depan”**

Zulkifli Ahmad,
Ketua Jurutera UPPP
Kelantan

⦿ **RM250,000 KOS**
tambahan membaik pulih
kawasan terjejas hakisan



Kampung, pantai bakal ‘ditelan’ laut

» 2,000 penduduk tiga penempatan tepi laut bimbang alami hakisan kritikal

Oleh Betty Subaryati
bhkb@bh.com.my

► Kota Bharu

Kira-kira 2,000 penduduk Pantai Pulau Kundur, Kampung Semut Api dan Pantai Cahaya Bulan (PCB) di sini, bimbang penempatan mereka akan ‘ditelan’ laut akibat hakisan.

Tinjauan BH mendapati pantai di perkampungan itu mengalami hakisan sangat kritikal.

Paling membimbangkan pesisir PCB yang menempatkan lebih 200 peniaga makanan laut, yang semakin teruk dian-

cam hakisan kerana projek Batu Lapis Lindung dan Groin oleh Kerajaan Pusat menerusi Unit Perancang Projek Persekutuan (UPPP) Kelantan sejak 2004, belum siap.

Berikutan itu, tindakan segera perlu dilakukan pihak berkaitan bagi memastikan perkampungan berkenaan tidak lenyap begitu saja.

Pemilik kedai makan di PCB, Adnan Daud, 39, berkata dia dan peniaga lain, bimbang apabila wujud muara yang luas dan lebar yang terhasil akibat hakisan pada musim tengkujuh.

Bimbang jika air pasang

Lebih membimbangkan, katanya, jika air pasang kerana perkampungan itu dan tapak per-

niagaan dilimpahi air walaupun ada projek Batu Lapis Lindung di hadapan gerai mereka.

“Oleh kerana projek pembinaan batu groin separuh sahaja, tapak perniagaan saya dan kira-kira 50 penduduk lain diancam hakisan dan air pasang besar,” katanya.

Penduduk, Siti Aishah Daud, 62, berkata dia dan keluarganya bimbang premis perniagaan di PCB akan hilang akibat hakisan.

“Kami adik beradik berniaga di sini sejak 2004, yang ketika itu sudah ada benteng penahan hakisan. Akibat hakisan saban tahun, binaan konkrit semakin mendap, sekali gus mendedahkan tapak perniagaan di sini kepada hakisan,” katanya.

Projek fasa kelima mula Julai

Ketua Jurutera UPPP Kelantan, Zulkifli Ahmad, berkata projek menahan hakisan oleh Kerajaan Persekutuan di kawasan berkenaan kini memasuki fasa kelima termasuk mengorek muara Sungai Semut Api.

“Bagi menyelamatkan tapak perniagaan dan penempatan penduduk, kami perlu membaik pulih kawasan yang mengalami hakisan membabitkan kos RM250,000. Ia tambahan kepada kos projek sedia ada yang diluluskan Kerajaan Pusat,” katanya.

Bergantung peruntukan 2014

Beliau berkata, projek berkenaan bergantung kepada peruntukan bagi 2014 apabila fasa kelima projek itu yang bermula Julai lalu, dijangka siap Disember depan termasuk di Pantai Dasar Sabak.

“Kita harap kerja ini terutama di PCB yang menempatkan tapak perniagaan makanan laut dan penempatan penduduk akan dimulakan dalam tempoh projek fasa lima,” katanya.